

31 JUL 2003

Mahathir-Pahlawan (Bergambar)

PM HADIRI MAJLIS PERINGATAN HARI PAHLAWAN DI TUGU NEGARA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara sempena Hari Pahlawan sebagai memperingati jasa dan pengorbanan para pahlawan negara yang gugur di medan tempur.

Turut meletakkan kalungan bunga pada majlis yang bermula 8.30 pagi ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Mohd Bakri Omar.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, menteri-menteri kabinet dan jemputan khas dari kedutaan-kedutaan asing di Kuala Lumpur turut hadir pada majlis ringkas itu.

Lagu-lagu patriotik turut dikumandangkan dan sebuah sajak bertajuk "Pahlawan" dideklamasikan pada majlis itu untuk mengenang jasa pahlawan negara yang terkorban di medan perang sejak Perang Dunia Kedua, zaman darurat dan yang terkorban di luar negara semasa menjalankan misi keamanan di bawah mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Turut memberi penghormatan pada pagi ini ialah bekas panglima-panglima tentera dan anggota-anggota tentera yang pernah berjuang semasa Pendudukan Jepun pada awal tahun 1940-an.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah berkenan berangkat ke majlis perbarisan sambutan Hari Pahlawan 2003 peringkat Perak di Dataran Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Lebih 500 anggota beruniform terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Udara Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba, Persatuan Bulan Sabit Malaysia dan pasukan kadet sekolah menghadiri perbarisan itu yang diketuai oleh Mejar Uzir Abdullah dari 2 Rejimen Renjer Diraja Kem Syed Putra.

Turut menghadiri itu ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan exco-exco kerajaan negeri.

Majlis turut diserikan dengan bacaan puisi yang diiringi irama muzik lagu "Pahlawan Ku" oleh Pancaragam TLDM.

Sambutan Hari Pahlawan diadakan serentak seluruh negara hari ini.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan berangkat ke majlis sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri Selangor di Tugu Peringatan Negeri di sini.

Baginda juga berkenan meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan itu sebagai memperingati jasa dan pengorbanan para pahlawan negara yang gugur di medan tempur.

Turut meletakkan kalungan bunga ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Anggota-anggota Exco-exco kerajaan negeri, anggota Dewan Undangan Negeri dan pegawai kerajaan juga menghadiri majlis itu.

Majlis turut diserikan dengan deklamasi puisi "Pahlawanku".

Sambutan Hari Pahlawan diadakan serentak seluruh negara hari ini.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengetuai bacaan doa sempena pelancaran kempen rayuan Hari Pahlawan peringkat negeri yang diadakan di Padang Merdeka di sini.

Lebih 200 anggota beruniform terdiri anggota tentera dan polis serta kadet sekolah menyertai sambutan yang diadakan secara ringkas itu.

Yang turut hadir ialah Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Najib Abdul Aziz dan Panglima Briged Kelapan Brid Gen Zulkifeli Mohd Zin serta anggota-anggota Exco kerajaan negeri Kelantan.

Majlis turut diserikan dengan bacaan puisi.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Ahmadshah Abdullah mendahului orang kenamaan negeri dalam upacara meletakkan karangan bunga di Ujana Tropika Bandaraya, di Jalan Penampang, dekat sini.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin, Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Pahlawan Ramli Yusuff serta Panglima Briged Kelima Infantri Brig-Jen Datuk Muhamad Yasin Yahya.

Kira-kira 200 orang daripada pasukan beruniform serta pemimpin persatuan bekas tentera dan polis menghadiri upacara itu yang bermula pukul 7 pagi.

-- BERNAMA

RAR JS KHY ROS